

PATRIOT

Majalah Kementerian Pertahanan



**MINDEF TERIMA
MENTERI BAHARU**



**LATIHAN KUASA
TEMBAKAN
2018**

ISI KANDUNGAN

04 MINDEF TERIMA MENTERI BAHARU

05 YB SENATOR LIEW CHIN TONG

06 HARI PAHLAWAN 2018

10 KUNJUNGAN HORMAT MENTERI
PERTAHANAN UNITED KINGDOM

11 SAMBUTAN LUAR BIASA DI SINGAPURA
(DIALOG SHANGRI-LA KE-17)

12 LATIHAN KUASA TEMBAKAN 2018

BERITA TLDM

14 RIMPAC 2018

15 MAJLIS BERBUKA PUASA MENTERI
PERTAHANAN BERSAMA 'NAVY PEOPLE'
DI KD MAHAWANGSA

BERITA TUDM

16 ISTIADAT PERBARISAN SEMPENA HARI
ULANG TAHUN TENTERA UDARA DIRAJA
MALAYSIA (TUDM) KE-60

18 YB MOHAMAD SABU
MELAWAT COX'S BAZAR

19 LAWATAN KERJA MOHAMAD SABU
KE LUBNAN

20 PRU 14 – SUSASANA HARI
PENGUNDIAN AWAL

20 BERITA JHEV – PUSAT DIALISIS

BERITA PERHEBAT

22 "KAMPUS SATELIT PERTAMA DI
MALAYSIA KHAS UNTUK ANGGOTA
DAN VETERAN TENTERA"

23 INISIATIF PPSEV & SPMUV PERHEBAT,
CETUS LONJAKAN USAHAWAN
VETERAN ATM

24 JEJAK JAYA USAHAWAN VETERAN ATM

26 ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG MINDEF 2017

28 SANTAPAN ROHANI –
WASATIYAH TONGGAK KEKUATAN ATM

30 MAJLIS 'SEND OFF' KSU &
SAMBUT KETIBAAN KSU BAHARU

31 SERAH TERIMA TUGAS PAT

32 DSA 2018

36 GAME CAMP WARRIORS (JLKN)

38 PENGGOMERSIALAN PRODUK STRIDE

40 INTEGRITI – BILA HADIAH
MENJADI RASUAH

MOTIVASI

42 KEMURUNGAN PEMBUNUH SENYAP

ARTIKEL KESIHATAN

44 DARAH

45 ANEMIA

46 HERO VETERAN :
SSJN (B) MD ALI AHMAD PGB

TOKOH SUKAN ATM

48 PUDIN KEBANGGAAN WARGA TUDM

50 MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA
AIDILFITRI ANJURAN ATM

DARI MEJA PENGARANG

*Aku bukan dia,
Dia bukan aku.*

Membandingkan diri dengan orang lain adalah perkara yang seringkali berlaku di kala ini sama ada dalam organisasi mahupun kehidupan seharian. Ia sangat sukar untuk dihentikan terutamanya dengan keadaan kehidupan semasa yang selalu menuntut kesempurnaan.

Namun harus diingat, banyak impak negatif hasil daripada tindakan itu. Membandingkan satu dengan yang lain dapat membuat orang lain terluka, merasa tidak diterima dan hanya akan membuatkan diri terlihat lebih buruk dan tidak disukai.

Percayalah, setiap insan mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Gunakan kelebihan kita itu dalam mempertingkatkan organisasi dan kekurangan yang ada kita cuba tangani sebaiknya. Jangan sesekali kita berpura-pura atau berlakon dan lebih teruk lagi jika kita berbohong tentang kemahiran yang kita miliki.


Setiap yang bermula pasti akan berakhir.
Setiap yang baharu pasti akan menjadi lama.
Sekali air bah, sekali pasir berubah.

“Winners compare their achievements with their goals whereas losers compare their achievements with those of other people.”

- Nido Qubein.

SIDANG EDITORIAL

PATRIOT EDISI 1/2018



Penaung

DATO' HALIMI BIN ABD MANAF
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Penasihat

MOHD NAZRI BIN ABDULLAH
Ketua Komunikasi Strategik

Ketua Editor

MOHAMMAD KAMAL BIN MAT NOOR
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

Penolong Ketua Editor

MEJAR TUAN MOHD ZAIDI BIN TUAN COB

Editor

NORHAZLINAWATI BINTI MAT

Tim Editorial

- SJN (U) AZLAN BIN ARSHAD
- MOHD TAHIRUDDIN BIN HAMZANI
- LK TLS IZWAN BIN SAMSUDDIN
- DAYANG NURAFEMA BINTI AWANG ISMAIL

SITI AFIQAH AMALINA BINTI MOHD RASLI
Pelatih Industri UIAM

NUR NABILA BINTI ZANURI
Pelatih Industri UIAM

UMMI THURAIYA BINTI RAMLEY
Pelatih Industri UIAM

NOR HIDAYU BINTI MOHAMAD ZAMRI
Pelatih Industri UMS

Foto

TIM JURUFOTO UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK

MINDEF TERIMA

MENTERI BAHARU

Tanggal 22 Mei 2018, mencatatkan sejarah baharu bagi Kementerian Pertahanan Malaysia apabila menerima seorang Menteri Pertahanan menerusi kabinet baharu yang dilantik oleh Pakatan Harapan. YB Mohamad bin Sabu atau lebih dikenali dengan Mat Sabu telah mengangkat sumpah sebagai Menteri Pertahanan pada 21 Mei 2018 di Istana Negara.

Beliau tiba pada jam 9.30 pagi di Dataran Wisma Pertahanan dan menerima Kawalan Kehormatan Utama (KKU) daripada tiga pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat, Batalion Pertama, Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).

Beliau kemudian mengetip kad perakam waktu di ruang lobi kementerian pada pukul 9.40 pagi.

Moga dengan kehadiran Menteri Pertahanan yang baharu ini lebih memantapkan lagi perkhidmatan ATM dan awam Kementerian Pertahanan.

YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU

MENTERI PERTAHANAN



BIODATA

- Tarikh Lahir: 14 Oktober 1954
- Tempat Lahir: Tasek Gelugor, Pulau Pinang
- Tempat Tinggal: Shah Alam, Selangor

PENDIDIKAN

- Teknologi Makanan, Institut Teknologi MARA (ITM)
- Pemimpin Pelajar Kesatuan Siswa-Siswi ITM (KSITM)

PENGALAMAN WAKIL RAKYAT

- 2018 - Kini: Ahli Parlimen Kota Raja
- 1999 - 2004: Ahli Parlimen Kuala Kedah
- 1995 - 1999: Ahli Parlimen Kubang Kerian
- 1990 - 1995: Ahli Parlimen Nilam Puri

PENGALAMAN POLITIK

- 2015 - Kini : Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH)
- 2011 - 2015 : Timbalan Presiden PAS
- 2007 - 2011 : Naib Presiden PAS
- 2001 : Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah
- 1999 - 2003 : Anggota Jawatankuasa Kerja PAS
- 1993 - 1995 : Timbalan Ketua Pemuda PAS : Anggota Majlis Eksekutif
- 1991 - 1993 : Anggota Jawatankuasa PAS Pusat
- 1989 - 1991 : Timbalan Ketua Pemuda PAS
- 1981 : Sertai PAS

PENGALAMAN NGO

- Pengerusi Gerakan Mobilisasi dan Demokrasi
- Komander Himpunan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH)
- 1975 - 1981 : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA | MINDEF Malaysia @MINDEFMalaysia | mindefmalaysia



YB SENATOR TIMBALAN MENTERI TERIMA KAWALAN KEHORMATAN UTAMA

YB Senator Liew Chin Tong telah memulakan tugas rasmi sebagai Timbalan Menteri Pertahanan pada 18 Julai 2018.

Kawalan Kehormatan Utama telah diadakan sempena hari pertama beliau di Wisma Pertahanan.



YB SENATOR LIEW CHIN TONG
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN

BIODATA

- Tarikh Lahir : 27 November 1977
- Tempat Lahir : Kuala Lumpur

PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana (Kepujian) Pengajian Asia - Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Sains Politik - Australian National University

PENGALAMAN KERJAYA

- 2018 - Kini : Timbalan Menteri Pertahanan
- 2009 - 2012 : Pengarah Eksekutif, *Penang Institute*
: Ahli Badan Pemikir Progresif, *Research for Social Advancement (REFSA)*
- 2006 : Felo Penyelidik Pelawat, *Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), Singapura*

PENGALAMAN POLITIK

- 2018 - Kini : Ahli Dewan Negara
- 2014 - Kini : Pengerusi DAP Johor
- 2012 - Kini : Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan DAP
- 2013 - 2018 : Ahli Parlimen Kluang
- 2008 - 2013 : Ahli Parlimen Bukit Bendera
- 2008 - 2012 : Setiausaha Antarabangsa DAP

PENGALAMAN BADAN PEMIKIR

- Pakar strategi hal-ehwal dasar dan reformasi pentadbiran negara. Bidang fokus termasuk pemulihan ekonomi, penghasilan peluang pekerjaan, penambahbaikan sistem pengangkutan awam dan polisi-polisi berkaitan

[Kementerian Pertahanan Malaysia](#)
[MINDEF Malaysia @MINDEFMalaysia](#)
[mindefmalaysia](#)



HARI PAHLAWAN 2018

PENUH ISTIADAT

Hari Pahlawan 2018, disambut penuh istiadat dengan pengisian pelbagai aktiviti. Hari Pahlawan merupakan kalender tahunan di peringkat kebangsaan bagi mengenang jasa-jasa perwira tanah air yang terkorban untuk mempertahankan kedaulatan ibu pertiwi. Sejak tahun 1968, acara ini telah dianjurkan secara bergilir antara ATM dan PDRM dan pada tahun 2018 adalah giliran ATM untuk menganjurkan acara yang penuh istiadat ini.

KHUTBAH KHAS SOLAT JUMAAT

Hampir 2000 jemaah telah mendengar Khutbah Khas Hari Pahlawan sebelum menunaikan Solat Jumaat sempena Hari Pahlawan 2018 pada 27 Julai 2018 di Masjid Khalid Al Walid. Khutbah Khas bertajuk '**Pahlawan: Jasamu Sentiasa Di Hatiku**' telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Mej. Jen. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Mamat.

Hadir sama Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Pertahanan Malaysia, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu serta Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Mohamad Fuzi Harun.

Khutbah Khas Hari Pahlawan 2018 menyentuh mengenai pengorbanan dan perjuangan pasukan keselamatan untuk berjihad mempertahankan kedaulatan negara daripada diganggu serta dijajah.





BACAAN YASSIN DAN DOA SELAMAT

Majlis Bacaan Yassin dan Doa Selamat sempena sambutan Hari Pahlawan 2018 telah diadakan pada 30 Julai 2018 di Masjid Khalid Al Walid. Majlis ini dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah seterusnya Bacaan Yassin serta Tahlil dan diakhiri dengan Solat Isya' yang dipimpin oleh Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Dato' Syaikh Hj Ismail Hj Muhammad.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V telah mencemar duli berangkat menghadiri majlis ini.






PELANCARAN KEMPEN TABUNG PAHLAWAN

Majlis Pelancaran Kempen Tabung Pahlawan telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu pada 31 Julai 2018 di The Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Kempen Tabung Pahlawan adalah bertujuan mengumpul dana bagi membantu Bekas Tentera yang kurang bernasib baik, balu dan anggota perkhidmatan lain yang memerlukan. Selain itu, ia bagi memperingati para pejuang yang bermatimati dalam memperolehi kemerdekaan negara.

Kempen yang bermula dari 31 Julai hingga 31 Disember 2018 menyasarkan kutipan maksimum RM5,000,000 dan telah menerima sumbangan sebanyak RM1,000,000 daripada Lembaga Tabung Angkatan Tentera Malaysia (LTAT).

Turut hadir di majlis ini ialah Penaung Tabung Pahlawan, YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Haji Mohamad Ali.




ISTIADAT PERBARISAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V berkenan mencemar duli menyempurnakan Istiadat Perbarisan Sempena Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2018 di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya pada 31 Julai 2018.

Istiadat Perbarisan ini adalah perbarisan statik tanpa senjata yang terdiri daripada 6 detasmen dengan kekuatan seramai 46 pegawai dan 823 Anggota Lain-lain Pangkat (LLP). Istiadat ini merupakan gabungan antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Selain daripada istiadat perbarisan, hadirin turut dipersembahkan dengan deklamasi sajak bertajuk "Pahlawan" oleh Leftenan Farahanina binti Ismail TUDM dan ASP Rahimi bin Hamzah dari PDRM. Turut mendapat perhatian adalah Persembahan Pantomin, "Operasi Iblis 1971" oleh 6 pegawai dan 98 anggota LLP dari Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja yang diketuai oleh Leftenan kolonel Mohd. Khairulnizam bin Sulaiman, Pegawai Memerintah Bn 1 RRD.





KUNJUNGAN HORMAT MENTERI PERTAHANAN UNITED KINGDOM



Menteri Pertahanan Malaysia, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu menerima kunjungan hormat daripada rakat sejawatnya Menteri Pertahanan United Kingdom, Gavin Williamson di Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur pada 31 Mei 2018.

Kunjungan ini merupakan kunjungan kali pertama ke atas YB Menteri yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara serta bertukar pandangan dan perkongsian maklumat bagi kebaikan serantau.

Ketibaan Williamson disambut dengan kawalan kehormat utama yang melibatkan 108 pegawai dan anggota daripada Rejimen Pertama Askar Melayu Diraja yang diketua oleh Mejar Mohd Izhan Ahmad Rashidi.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat Jeneral Tan Sri Zulkiple Hj. Kassim; Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Hj. Ahmad Badaruddin dan Panglima Tentera Udara Jeneral Dato' Sri Hj. Affendi Buang TUDM.





SAMBUTAN LUAR BIASA DI **SINGAPURA**



YB Mohamad bin Sabu telah menghadiri Dialog Shangri-La Ke-17 yang berlangsung selama tiga hari bermula 1 hingga 3 Jun 2018 di Singapura. Ini adalah lawatan sulung beliau ke republik itu atas kapasitinya sebagai menteri pertahanan.

Sambutan yang diterima oleh Menteri Pertahanan Malaysia ini sangat luar biasa terutamanya ketika beliau berkunjung ke Masjid Sultan untuk menunaikan Solat Jumaat. Beliau dikerumuni jemaah yang terdiri daripada rakyat tempatan dan asing untuk merakam gambar bersamanya.

Dalam lawatannya, Mohamad antara lain melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong dan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Penyelaras Keselamatan Negara, Teo Chee Hean.

Sidang Kemuncak Keselamatan IISS Asia: Dialog Shangri-La (SLD) edisi Ke-17 adalah forum keselamatan yang diadakan setiap tahun oleh Institut Pengajian Strategik Antarabangsa (IISS). Forum ini mendapat namanya dari Shangri-La Hotel di Singapura di mana ia telah diadakan sejak tahun 2002.



LATIHAN KUASA TEMBAKAN 2018

Latihan Kuasa Tembakan (LKT) 2018 telah diadakan di Lapang Sasar Gemas, Kem Syed Sirajuddin, Negeri Sembilan pada 12 Julai 2018. Latihan yang dahulunya dikenali sebagai Demonstrasi Kuasa Tembakan (DKT) ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada Siswa Kursus Pemerintah dan Staf Malaysia (KPSM) dari Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) tentang keupayaan dan kuasa tembakan TDM. KPSM Siri 47/2018 kali ini melibatkan 164 penyertaan yang merangkumi 118 siswa tempatan dan 46 siswa luar negara.

GEMPITA AV8, ADNAN, Kereta Kebal PT91M Pendekar 125mm, Meriam 155mm, G5 MK III serta aset udara seperti Helikopter Agusta, Nuri, Pesawat Sukhoi SU-30MKM, dan Hawk 208 adalah antara aset ketenteraan yang terlibat dalam LKT 2018.

Latihan ini dihadiri oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Dato' Sri Zulkiple bin Hj Kassim, Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Hj Mohd Nawawi serta Pegawai-pegawai Kanan ATM.





RIMPAC 2018

BUKTI KEUPAYAAN TEMPUR TLDM

Safety observers from Military Sealift Command's dry cargo and ammunition ship USNS Washington Chambers (T-AKE 11) monitor and relay real-time communication of each step of the underway replenishment (UNREP) process aboard Royal Malaysian Navy frigate KD Lekiu (F30) during an UNREP, April 7. (U.S. Navy courtesy photo/Released).



Two RMAF F/A-18D flying over KD Tun Razak in 2017. RMAF

Buat julung kalinya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menyertai eksesais maritim dikenali sebagai **Rim of the Pacific (RIMPAC) 2018** di Kepulauan Hawaii, Amerika Syarikat. Eksesais RIMPAC merupakan eksesais maritim terbesar yang dilaksanakan Tentera Laut Amerika Syarikat (US Navy) sejak 1971.

Majlis pelepasan tali Kapal Diraja (KD) LEKIU ke eksesais RIMPAC 2018 serta *Fleet Review* bersempena Pengunduran Panglima Armada Barat telah dilaksanakan di Tambatan Pangkalan Lumut dan disempurnakan oleh Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, Her Excellency Kamala Shirin Lakhdar.

KD Lekiu mula belayar sejauh 6,628 batu nautika bermula 25 Mei lepas dan tiba di Amerika Syarikat pada 25 Jun sebelum menyertai latihan itu hingga 29 Julai.



Leftenan Madya Chan Jun Kwan mempersembahkan inovasi '**Damage Control Floating Bag**' semasa Pertandingan Inovasi RIMPAC 2018 di Hawaii. Inovasi tersebut telah dinobatkan sebagai juara oleh juri pertandingan tersebut (Foto: US PACOM/Cory Asato).

Pelayaran mengharungi lautan tidak sia-sia apabila KD Lekiu yang mewakili TLDM menempa nama sebagai pemenang pertandingan inovasi sempena RIMPAC 2018 di Hawaii, Amerika Syarikat.

Eksesais disertai oleh 46 kapal perang termasuk lima kapal selam, 18 angkatan tentera darat selain 29 pesawat peronda maritim serta 200 pesawat pejuang dan helikopter dengan 25,000 anggota tentera dari 25 negara.

RIMPAC 2018 telah memberi impak yang besar kepada TLDM dalam mengukuhkan hubungan ketenteraan dan persahabatan dengan kesemua negara yang terlibat disamping memberi pengalaman berharga kepada 145 anggota yang berpangkalan di Lumut sebagai pasukan TLDM yang pertama mengikuti RIMPAC.



Selamat Jalan: Mohamad Roslan (kiri) mengucapkan selamat jalan kepada anak kapal KD Lekiu yang akan menyertai **Eksesais Rim of the Pacific (RIMPAC) 2018** di Hawaii, Amerika Syarikat di Pangkalan TLDM Lumut



مجلس حفظ كينالهميه
مكسب

MAHAWANGSA



Pada 7 Jun yang lalu, Menteri Pertahanan, YB Mohamad bin Sabu telah dibawa menaiki helikopter Super Lynx milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk berbuka puasa bersama-sama warga TLDM di atas kapal KD Mahawangsa yang terletak di perairan Selat Melaka. Turut mengiringi beliau, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin.

Majlis seumpama ini merupakan salah satu langkah bagi menghargai pengorbanan dan jasa anggota TLDM yang terpaksa berjauhan daripada keluarga pada bulan Ramadan dan Syawal. Anggota TLDM ini perlu berkorban dalam menunaikan tanggungjawab melaksanakan operasi pengawasan keselamatan perairan dan instalasi strategik maritim negara.

Pengorbanan ini penting bagi memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat menyambut hari lebaran dalam suasana aman damai. Tambahan pula, pengorbanan ini diperlukan untuk memastikan keamanan yang dinikmati kekal utuh dan tidak berubah sekelop mata.

Di samping itu, aktiviti seumpama ini juga dapat memberi ruang dan peluang kepada pengurusan tertinggi pertahanan untuk lebih mendekati dan memahami tugas TLDM khususnya dalam pasukan keselamatan Negara.

Syabas dan terima kasih kepada 186 warga KD MAHAWANGSA yang meneruskan operasi pengawasan sehingga 21 Jun 2018.



Istiadat Perbarisan

SEMPENA SAMBUTAN

HARI ULANG TAHUN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM) — KE-60 —

Istiadat Perbarisan bersempena sambutan Hari Ulangtahun ke-60 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah diadakan pada 5 Julai 2018 di Pangkalan Udara Subang. Perbarisan yang berkonsepkan tempur berjalan lalu dalam masa cepat telah melibatkan 8 Flait yang terdiri daripada 1 x Flait PASKAU, 1 x Flait Provos, 1 x Flait Wanita dan 5 x Flait Gabungan dari pelbagai tred/ketukangan di dalam TUDM.

Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah mengambil Tabik Hormat serta memeriksa perbarisan sebelum menyampaikan Perutusan Khas sempena sambutan Hari Ulang Tahun TUDM ke-60 kepada seluruh peringkat warga TUDM yang hadir. Sambutan Ulang Tahun TUDM disambut pada 1 Jun setiap tahun.





Perbarisan turut disertai dengan terbang lintas hormat dari pesawat-pesawat helikopter TUDM iaitu 2 buah pesawat Nuri dan sebuah pesawat EC725 yang membawa 3 x Bendera (Malaysia, ATM dan TUDM) semasa lintas hormat pertama (*First Salute*).

Seramai 80 orang anggota Pancaragam Pusat TUDM dan Pancaragam Kolej Tentera Udara (KTU) yang dipimpin oleh Mej Mohd Salleh bin Wahab TUDM telah mengiringi sepanjang perbarisan ini.



Perbarisan ini juga turut diserikan dengan acara persembahan yang ditampilkan oleh tim persembahan antaranya membuat demonstrasi menyelamat tebusan, persembahan nyanyian dan *drumline*.

Turut berlangsung semasa perbarisan ini adalah acara penyematan Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) kepada 17 warga TUDM dan penyampaian Sijil Kepujian PTU kepada 9 anggota Lain-lain Pangkat (LLP).



Turut hadir menyaksikan perbarisan ini adalah Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM, Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Abd Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM, Mantan-mantan Panglima Tentera Udara serta Pegawai-pegawai kanan TUDM, kakitangan awam serta warga TUDM.

**YB MOHAMAD SABU
MELAWAT**

COX'S BAZAR



Menteri Pertahanan, YB Mohamad Sabu membuat lawatan ke Hospital Medan di daerah Ukhiya, Chittagong pada 12 Julai 2018. Lawatan ini adalah anjuran Kementerian Pertahanan dengan kerjasama pasukan sukarelawan Amal Relief Malaysia dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) yang lain.

Lawatan ini adalah bagi meninjau operasi hospital berkenaan, di samping menghantar keperluan kepada etnik Rohingya yang mendapatkan perlindungan di kem pelarian itu. YB Menteri disambut oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Bangladesh, Nur Ashikin Mohd Taib, sebelum melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri, Sheikh Hasina Wazed, di Old Sangsad Bhaban, Tejgaon, Dhaka.

Beliau turut melawat Hospital Medan Malaysia (HMM) di Cox's Bazar dan dibawa meninjau penempatan kem pelarian berkenaan. Selepas hampir lima bulan beroperasi, pasukan Operasi STARLIGHT-1 telah merawat 17,849 pesakit membabitkan pelarian Rohingya dan sebilangan rakyat tempatan Bangladesh, manakala 600 pembedahan berjaya dilakukan di hospital itu," kata kenyataan itu.



LAWATAN KERJA

YB MOHAMAD SABU KE LUBNAN



Menteri Pertahanan Malaysia, YB Mohamad Sabu tiba di Lapangan Terbang Rafiq Hariri di Lubnan bagi lawatan kerja rasmi Menteri Pertahanan serta delegasi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berlangsung pada 20 hingga 24 Jun 2018.

Lawatan kerja rasmi ini dilaksanakan bersempena lawatan ulung beliau ke Lubnan dan Majlis Penyerahan pengangkut berperisai baharu (APC) Guardian kepada pasukan Batalion Malaysia (Malbatt).

Turut mengiringi YB Menteri ialah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zulkifli Zainal Abidin. Delegasi turut melawat residensi Duta

Besar Malaysia ke Lubnan iaitu TYT Mohd Aznor Mahat.

YB Menteri membuat kunjungan hormat kepada Menteri Pertahanan Lubnan, Yacoub Riad Al Sarraf di bangunan Kementerian Pertahanan Lubnan.

Beliau telah menerima tabik hormat semasa Perbarisan Menteri dan seterusnya merasmikan penyerahan sembilan buah APC Guardian kepada Malbatt.

Acara diteruskan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama Warga Malbatt 850-5 bertempat di Dewan Jun Sang, Kem Marakah.



SUASANA PENGUNDIAN AWAL PRU-14

Proses pengundian awal bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sempena Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) telah dijalankan di seluruh negara pada 5 Mei 2018.

Pengundian ATM terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori Pengundi Awal yang melibatkan semua anggota tentera dan pasangan yang berdaftar di dalam lokaliti sepertimana yang telah diwartakan.

Tidak kira apa jua cabang perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia, tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia tetap dilaksanakan oleh kesemua anggota ATM yang layak mengundi.

Ini termasuk mereka yang telah bertukar keluar tetapi masih berdaftar di lokaliti tersebut dan mereka yang berkursus di dalam negara.

Seramai lebih 150,000 warga ATM telah membuang undi pada PRU 14 yang lalu.



PUSAT DIALISIS YAYASAN VETERAN ATM

Yayasan Veteran ATM melalui anak syarikatnya iaitu Syarikat Perubatan D'Vet Sdn Bhd telah membuka tiga buah pusat dialisis bertempat di Seri Kembangan, Batu Caves dan Bukit Sentosa. Pusat dialisis ini dibuka khusus untuk Veteran ATM dan tanggungan yang layak dan juga untuk pesakit-pesakit lain yang mendapat tajaan.

Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi menjamin kepuasan dan keselesaan pesakit yang mendapatkan rawatan di sini seperti berikut:

- **Mesin dialisis yang terdapat di pusat dialisis ini adalah antara yang termoden dan terkini.**
- **Kakitangan klinikal yang berpengalaman dalam memberikan rawatan dialisis.**
- **Waktu rawatan yang fleksibel iaitu 3 sesi – pagi, petang dan malam.**

Alamat Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM:

SERI KEMBANGAN

17, Jalan Sungai Besi Indah 5/2,
Lokasi Pusat Dialisis
Taman Sungai Besi Indah,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-89453494

BATU CAVES

No 18G, Jalan SM 4,
Taman Sunway Batu Caves,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-61881292

BUKIT SENTOSA

No 49, Jalan Orkid 1F,
Perniagaan Jalan Orkid,
Bukit Sentosa, 49300 Bukit Beruntung,
Selangor Darul Ehsan.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pusat dialisis
sila hubungi talian **03-20508192**

KHIDMAT JHEV ATM
Khidmat Kebajikan

MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN ANDA TERPELIHARA

Kami di JHEV sentiasa menghargai jasa dan pengorbanan para Veteran ATM dalam mempertahankan negara tercinta. Kami amat berbesar hati untuk memberikan yang terbaik dalam menguruskan kebajikan Veteran ATM.

KHIDMAT TERUS DIBELA

JHEV.COV.MY | JHEV.ATM | #JHEVATM | JABATAN HAL EHWAL VETERAN

KHIDMAT JHEV ATM
Khidmat Kebajikan

KAMI HULURKAN TANGAN BUAT ANDA

Setiap individu yang pernah menabur jasa buat Malaysia berhak untuk diraikan. JHEV ATM sentiasa menghulurkan tangan buat anda dengan pelbagai bantuan agar senyuman terukir di wajah anda.

KHIDMAT TERUS DIBELA

JHEV.COV.MY | JHEV.ATM | #JHEVATM | JABATAN HAL EHWAL VETERAN

KAMPUS SATELIT PERTAMA DI MALAYSIA KHAS UNTUK ANGGOTA & VETERAN TENTERA



Buat julung kalinya, Kampus Satelit untuk anggota dan veteran ATM berjaya diwujudkan hasil kerjasama MoU antara PERHEBAT dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dikenali sebagai Kampus Satelit PERHEBAT-UMS, ia dilancarkan pada 27 Februari 2018 di UMS Kota Kinabalu.

Kampus Satelit ini bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran veteran tentera ke tahap yang lebih tinggi dengan disokong oleh kepakaran IPTA. Ia menawarkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat kepada komuniti veteran ATM di Sabah bagi menaiktaraf sosioekonomi melalui program latihan yang ditawarkan. Inisiatif ini secara langsung dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir yang berdaya saing di peringkat global.

Kampus ini juga bertindak sebagai Pusat Sehati untuk pengurusan program latihan kepada veteran tentera khusus untuk negeri Sabah. UMS menawarkan kepakaran dalaman bagi melaksanakan program latihan, termasuk kepakaran pensyarah berpengalaman.

Istimewanya, veteran tentera berpeluang menerima pendidikan secara terus daripada pensyarah berpengalaman di UMS dan merasai pengalaman seperti penuntut IPTA. Antara latihan yang ditawarkan merangkumi bidang pertanian dan pembuatan makanan. Pada 2018, kampus ini bakal menawarkan 20 kursus antaranya; Pembenhian Ikan Kerapu dan Siakap, Perladangan Rumpai Laut, Sistem Akuaponik, Kursus Coklat dan Produk Bakeri.

Pada 5 April 2018, Kampus Satelit untuk anggota dan veteran ATM di Sarawak turut dilancarkan hasil kerjasama PERHEBAT dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).





INISIATIF PPSEV & SPMUV PERHEBAT CETUS LONJAKAN USAHAWAN VETERAN ATM

Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran ATM (PPSEV) adalah program latihan khusus untuk Veteran ATM tidak berpendidikan (kursus 1-3 hari) bagi menceburi bidang keusahawanan atau membantu mereka mendapatkan pekerjaan di sektor awam dan swasta. Ia dibangunkan bertujuan untuk memperkasa sosioekonomi Veteran ATM di seluruh Malaysia.

Pada 2017, melalui program PPSEV PERHEBAT sejumlah 772 usahawan baharu dalam kalangan veteran tentera berjaya dilahirkan. Manakala dalam tempoh sama, seramai 1,439 veteran tentera menyertai kursus PPSEV yang dijalankan di seluruh Malaysia.

Angka memberangsangkan itu membuktikan keberhasilan inisiatif tersebut dalam membantu kerajaan melonjakkan daya saing usahawan tempatan.

Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM (SPMUV) turut menjadi pemangkin kepada lonjakan perniagaan kumpulan sasaran. Melalui skim ini, veteran ATM disediakan kemudahan pinjaman sehingga RM50,000.00 tanpa faedah untuk mereka memulakan atau mengembangkan perniagaan.



Jejak Jaya

USAHAWAN VETERAN ATM



Sarjan Cyril anak Langin (Bersara)

*Pengarah Urusan Raymon Langin & Son Farm
Serian, Sarawak*

Veteran tentera kelahiran Serian, Sarawak ini merupakan peserta Program Pembangunan Sosio ekonomi Veteran Tentera (PPSEV) dan Latihan Peralihan (pertanian) oleh PERHEBAT.

Melalui syarikat miliknya, Raymon Langin & Son Farm beroperasi di atas tanah seluas 60 hektar di Kampung Bunan Gega, Serian dan mengusahakan tanaman koko dan kelapa sawit.

Sejak diusahakan pada 2003, selain pasaran Malaysia, koko keluarannya berjaya dieksport ke Amerika Syarikat dan Kanada untuk penghasilan produk koko di negara tersebut. Kualiti koko tersebut turut mendapat bimbingan daripada Lembaga Koko Malaysia.





Koperal Mohanan a/I K. Perumal (Bersara)

*Pengurus Vithyas Store & Trading
Johor Bharu, Johor*

Veteran tentera, Koperal Mohanan a/I K. Perumal (Bersara) merupakan antara penerima Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran Tentera (SPMUV) PERHEBAT.

Pernah berkhidmat sebagai anggota Tentera Darat, beliau memulakan perniagaan menjual barangan sembahyang, aksesori dan pakaian tradisional India sejak 1999. Dengan bantuan skim SPMUV PERHEBAT bernilai RM20,000.00 beliau berjaya meluaskan pasarannya sehingga ke Singapura dan sekitar negeri Johor.

Disebalik persaingan hebat yang dihadapinya, beliau tekad untuk terus gigih menjalankan perniagaan ini. Selain menawarkan produk keluaran tempatan, beberapa aksesori unik dan pakaian tradisional diterbangkan khas dari India demi untuk memenuhi kehendak pelanggan yang pelbagai.



**ANUGERAH
PERKHIDMATAN
CEMERLANG,
PINGAT PERKHIDMATAN
& PEKERTI
TERBILANG**

KEMENTERIAN PERTAHANAN

2018

Majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Pingat Perkhidmatan & Pekerti Terbilang Kementerian Pertahanan yang telah diadakan pada 4 April 2018 di Auditorium Wisma Pertahanan. Merupakan satu bentuk penghargaan kerajaan terhadap pencapaian dan kecemerlangan pegawai-pegawai yang sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam serta telah memberikan sumbangan yang cemerlang sepanjang tahun 2017.

Bil.	ANUGERAH	JUMLAH PENERIMA
1	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Awam	930 orang
2	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ATM	9,707 orang
3	Pesara Penerima Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang	328 orang yang bersara pada 2018
4	Anugerah Kecemerlangan Akademik	86 Orang Anak Warga Awam Kementerian Pertahanan yang telah mendapat keputusan yang cemerlang

HADIAH DAN INSENTIF

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Awam dan ATM) menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi dalam bentuk Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN) berjumlah RM1,000.

Pesara Awam yang bersara menerima Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang (PPT), Sijil Penghargaan serta Sijil Simpanan Premium BSN berjumlah RM400.



YBHG. DATO' SRI ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



WASATIYYAH TONGGAK KEKUATAN ATM

Perkataan wasatiyyah bermaksud pertengahan, sederhana, tidak melampau atau berlebihan (al-ghuluw). Ulama tersohor Nusantara, Prof Hamka dalam bukunya Falsafah Hidup menegaskan kesederhanaan adalah antara syarat asas mencapai kebahagiaan hidup.

Manakala Prof Dr Yusof al-Qardhawi pula menyebut wasatiyyah adalah satu sifat dan kriteria agama Islam selain disebut sebagai al-tawazun (berimbang). Ia disyariatkan dalam kehidupan supaya kehidupan manusia tidak ekstrem, sama ada ekstrem ke kiri atau ekstrem ke kanan.

Semenjak merdeka lagi Malaysia adalah sebuah Negara yang amat menekankan kepada prinsip wasatiyyah dalam setiap aspek pentadbiran Negara. Perlembagaan Negara yang telah dibentuk oleh pemimpin-pemimpin terdahulu telah berjaya mencorak rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama ke arah satu Warga Malaysia yang harmoni.

Namun, pelbagai cubaan dan tindakan dilakukan oleh pihak tertentu untuk menghancurkan keharmonian yang sekian lama dikecapi. Justeru, kerajaan telah mencetuskan satu pendekatan untuk rakyat Negara ini kepada satu asas kukuh yang berpaksikan kepada keharmonian, sayang menyayangi dan saling hormat menghormati. Pendekatan wasatiyyah yang berintipatikan kepada kesederhanaan, keseimbangan, keadilan dan kecemerlangan ini perlu dijadikan sebagai amalan dalam setiap tindakan.

Pendekatan wasatiyyah sebenarnya mempunyai hubungan yang amat rapat dengan maqasid syariah iaitu matlamat hukum yang berpaksikan kepada pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta. Oleh itu, pelaksanaan menyeluruh wasatiyyah bermaksud menegakkan maqasid syariah pada landasannya yang sebenar.

*Dato' Mohd Yusof Din,
pengarah IWM telah
menyampaikan ceramah
dalam **Seminar Wasatiyyah
Peringkat Kementerian
Pertahanan 2018.***





ASEAN WASATIYYAH CONFERENCE 2016 bertemakan “WASATIYYAH: UNITY OF UMMAH – COUNTERING THE THREAT OF MILITANCY EXTREMISM/TERRORISM” telah dilaksanakan di wisma perwira atm terdiri daripada pegawai-pegawai tentera negara asean dan pegawai-pegawai dari agensi beruniform serta agensi awam.

Dalam konteks pertahanan dan keselamatan, pendekatan wasatiyyah amat dititikberatkan dalam Angkatan Tentera Malaysia melalui aplikasi Dasar Pertahanan Negara sesuai dengan kepelbagaian agama dan budaya yang diamalkan di kalangan warga ATM itu sendiri. Maqasid al-Syariah merangkumi kehidupan individu dan kelompok, keilmuan dan keturunan, keagamaan dan keduniaan, maruah dan keturunan, ekonomi dan harta benda. Keseluruhannya ini menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mempertahankannya dengan penuh hikmah dan bijaksana.

Kesimpulannya, pendekatan Wasatiyyah merupakan satu medium penting dalam menghadapi gelombang perubahan pola pemikiran dan tindak tanduk umat masa kini. Kemunculan pelbagai ideologi dan tindakan melampau sesetengah golongan yang berjuang menggunakan nama Islam telah menimbulkan pelbagai tanggapan negatif terhadap Islam dan penganutnya. Di atas dasar ini, YB Menteri Pertahanan melalui inisiatif Teras Kebajikan dan Kerohanian Kementerian Pertahanan serta anjuran bersama Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) selaku penggerak utama agenda Wasatiyyah peringkat Nasional terus komited melaksanakan Seminar Wasatiyyah Peringkat Kementerian Pertahanan mahupun di peringkat Asean.

Oleh itu konsep wasatiyyah ini haruslah difahami dan diaplikasi oleh warga ATM secara menyeluruh, merangkumi kesederhanaan, keseimbangan, pertengahan dan keterbukaan agar kedaulatan dan keharmonian Negara dapat dipertahankan.

MAJLIS “SEND OFF” KETUA SETIAUSAHA YBHG. DATO’ SRI ABDUL RAHIM MOHAMAD RADZI



Majlis “Send Off” Ketua Setiausaha, YBhg. Dato’ Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi telah diadakan di Dataran Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan pada 31 Mei 2018. Majlis diadakan untuk memberi penghargaan terakhir kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan yang menamatkan tempoh perkhidmatannya dengan kerajaan secara rasmi.

Dato’ Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi menyentuh e-Rakam di laluan keluar bangunan Wisma Pertahanan sebagai simbolik menandakan telah tamat waktu penugasan sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Pertahanan.

Dato’ Sri Abd Rahim Mohd Radzi mengambil alih tugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan bermula pada 8 Disember 2014 bagi menggantikan Datuk Seri Ismail Ahmad.



UPACARA MENYAMBUT KETIBAAN KETUA SETIAUSAHA, YBHG. DATO’ HALIMI ABD MANAF

Upacara menyambut ketibaan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato’ Halimi Abd Manaf telah diadakan pada 1 Jun 2018 bertempat di Wisma Pertahanan.

Ketua Setiausaha baharu, Dato’ Halimi Abd Manaf menerima tabik hormat panglima dari KKU Batalion Pertama RAMD.

Secara rasminya Dato’ Halimi memulakan tugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan bagi menggantikan Dato’ Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi yang telah tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2018.





SERAH TERIMA TUGAS PANGLIMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Majlis Serah Terima Tugas Panglima Angkatan Tentera Malaysia (PAT), antara YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor dan Jeneral Tan Sri Dato' Seri Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin telah berlangsung pada 20 Jun 2018 bertempat di Auditorium, Wisma Pertahanan.

YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor Panglima Angkatan Tentera ke-19 menamatkan perkhidmatan dan menyerahkan tugas sebagai Panglima Angkatan Tentera kepada Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkfli bin Hj Zainal Abidin yang telah dilantik sebagai Panglima Angkatan Tentera ke-20 berkuat kuasa pada 20 Jun 2018.

Acara kemuncak menyaksikan tabik hormat oleh YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor kepada kontinjen Kawalan Kehormatan Utama dan Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

Hari terakhir beliau diakhiri acara tradisi send off dengan "street lining" yang melibatkan warga Angkatan Tentera Malaysia memberikan penghormatan sebagai tanda penghargaan.

Turut hadir pada acara ini ialah YBhg. Dato' Halimi bin Abd Manaf, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Panglima-Panglima Perkhidmatan serta pegawai dan anggota Angkatan Tentera Malaysia.



DSA 2018

tampil kelainan





Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2018 telah berlangsung pada 16 sehingga 19 April 2018. Selepas 30 tahun, pameran yang sering diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ini telah berlangsung di lokasi yang lebih besar dan strategik iaitu di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Pameran yang memasuki kali ke-16 itu telah berjaya menarik penyertaan 1,500 syarikat dan 370 delegasi daripada 60 buah negara.

Antara negara yang mengambil bahagian pada pameran kali ini ialah Indonesia, Turki, Emiriyah Arab Bersatu, Poland, Britain, Amerika Syarikat dan Rusia.

Buat julung-julung kalinya DSA 2018 diadakan serentak dengan Pameran Keselamatan Asia (NATSEC). Pameran itu diadakan hasil daripada kerjasama Kementerian Pertahanan dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN). NATSEC mempamerkan aset dan peralatan yang digunakan oleh jabatan-jabatan dalam KDN. Ia memberi satu nilai tambah baharu kepada DSA.

Dengan adanya penganjuran dua persidangan ini secara serentak, dapat meningkatkan interaksi antara agensi keselamatan iaitu tentera dan polis bersama agensi awam dalam usaha memantapkan tahap keselamatan negara.



DSA 2018

tampil kelainan





PERMAINAN DALAM TALIAN **CAMP WARRIORS**

UNTUK ALUMNI
PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA

Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) merupakan sebuah badan sukarela yang ditubuhkan pada 4 Februari 2012 di bawah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan dianggotai oleh bekas-bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). BSKN ditubuhkan bertujuan menggerakkan alumni PLKN dalam menjalankan kerja-kerja kesukarelaan dan seterusnya meneruskan kesinambungan daripada pembelajaran di PLKN bagi berkhidmat kepada masyarakat.

Antara objektif penubuhan adalah bagi mewujudkan platform kepada golongan alumni PLKN terus melaksanakan aktiviti yang berfaedah ke arah perpaduan dan patriotisme dalam melahirkan modal insan selaras dengan aspirasi kerajaan berkonsepkan 1Malaysia.

Jabatan mengalu-alukan bekas pelatih PLKN supaya menyertai Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) bagi meneruskan pengalaman dipelajari dari PLKN untuk berkhidmat kepada masyarakat melalui pelbagai aktiviti berteraskan kesukarelaan. Sehingga hari ini, jumlah keahlian BSKN adalah seramai 338,645 orang.

Sehubungan dengan itu, JLKN telah membangunkan aplikasi permainan dalam talian 'Camp Warriors' sebagai satu pendekatan interaktif dalam konteks data profiling BSKN dan usaha ini dibuat untuk merealisasikan peningkatan bekas-bekas pelatih PLKN untuk mendaftar dan bergiat sebagai ahli BSKN.

Camp Warriors merupakan aplikasi permainan telefon pintar yang berasaskan permainan strategi perang dan ini merupakan salah satu inisiatif memperkasakan BSKN.

Permainan ini merupakan peraduan kepada alumni PLKN yang menawarkan pelbagai hadiah menarik seperti motosikal, telefon pintar, pakej pelancongan, TV LED, Laptop dan banyak lagi. Semua bekas pelatih PLKN boleh menyertainya dan mula mengumpul markah paling banyak untuk memenangi peraduan ini.

Permainan Camp Warriors boleh dimuat turun di Google Play atau Apple Store secara percuma. Walaupun permainan

ini boleh dimuat turun oleh orang ramai, namun untuk memenangi hadiah, peraduan hanya dibuka kepada bekas-bekas pelatih PLKN sahaja.

Untuk menyertai peraduan ini, bekas pelatih PLKN perlu:

1. Layari contest.khidmatnegara.gov.my;
2. Klik butang JOIN NOW! untuk mendaftar (secara automatik akan menjadi ahli Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN));
3. Sahkan Emel;
4. Muat turun aplikasi Camp Warriors: dan
5. Main kategori multiplayer.

Majlis Pelancaran Permainan Dalam Talian Camp Warriors Untuk Alumni PLKN telah dilancarkan pada 6 Januari 2018 semasa Program Mini Karnival PLKN 2.0 di Dataran Darul Aman, Jitra, Kedah.

Peraduan ini berlangsung selama satu tahun, mulai bulan 1 September 2017 hingga 31 Ogos 2018. Permainan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu single player dan multiplayer. Setiap pemain perlu mempertahankan kem masing-masing dengan meletakkan senjata di kubu-kubu yang telah disediakan. Pemain perlu mengumpul coins dengan cara bermain di kategori single player dan coins yang terkumpul boleh digunakan bagi menaiktaraf senjata. Pemain perlu melepasi sekurang-kurangnya tiga level single player bagi melayakkan bermain kategori multiplayer.

Hadiah akan diberikan berdasarkan kepada skor tertinggi di leaderboard multiplayer dan jumlah invite tertinggi. Hadiah akan diserahkan melalui pos atau pemenang boleh mengambil sendiri di Pejabat JLKN atau mana-mana kem PLKN yang terdekat.

Jabatan mensasarkan agar semua Alumni PLKN seramai 865,086 orang yang mengikuti latihan PLKN mulai tahun 2004 hingga 2017 untuk mendaftar dan menjadi ahli BSKN. Seiring merealisasikan hasrat tersebut, Camp Warriors digunakan sebagai salah satu kaedah tarikan untuk alumni PLKN mendaftar sebagai ahli BSKN.

PEMENANG BULANAN CAMP WARRIORS

BIL	NAMA	ASAL	HADIAH
OKTOBER 2017 – DISEMBER 2017			
1.	Malek Safrizan Bin Umar	Marang, Terengganu	Laptop
2.	Mohd Fairuz Bin Muhammad	Kota Tinggi, Johor	Televisyen
3.	Nor Faedah Binti Mamat	Setiu, Terengganu	Televisyen
4.	Mohamad Shah Fakhruallah Bin Ahmad	K. Terengganu, Terengganu	Telefon Pintar
5.	Mahfuzah Binti Mohd Saleh	Alor Setar, Kedah	Telefon Pintar
6.	Mohamed Razif Izwan Bin Mohd Nayan	Kuala Lumpur	Telefon Pintar
JANUARI 2018			
1.	Mohamad Hidayat bin Abd Hamid	Negeri Sembilan	Laptop
2.	Muhammad Hafizzuddin bin Mazlan	Kuala Lumpur	TV LED
3.	Noor Eika Zadura binti Mohd Haidar	Melaka	Telefon Pintar
4.	Intan Syafika binti Abdul Hamid	Selangor	Telefon Pintar
5.	Mohamad Asyraf bin Islah	Selangor	Telefon Pintar



PENGGOMERSIALAN PRODUK **STRIDE**

STRIDE sememangnya mempunyai kepakaran dalam kepelbagaian bidang serta mempunyai peralatan pengujian yang moden dan berteknologi tinggi. Pengalaman pegawai pegawai penyelidik yang meluas dalam pelbagai penilaian teknikal dan pengujian tender kerajaan. STRIDE juga mempunyai jaringan yang rapat antara ATM dan rakan-rakan Strategik dalam melaksanakan pelbagai jenis ujian ketenteraan. STRIDE akan terus maju ke hadapan menjadi sebuah organisasi penyelidikan pertahanan yang berprestasi tinggi dan terkemuka di peringkat negara dan antarabangsa.

STRIDE telah menyahut seruan untuk melonjakkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai penjana kekayaan melalui proses pengkomersialan. STRIDE juga telah melibatkan diri dalam program Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2.0 yang merupakan agenda Negara ataupun KPI Khas Negara dengan mendaftarkan lima (5) produk STRIDE.

Produk yang didaftarkan:

- *Aerostat and Airship Based Surveillance System*
- *Water Hydration Backpack*
- *Soft Body Armor Vest*
- *Meat Bars*
- *Unmanned Surface Vessel (USV)*

Aerostat and Airship Based Surveillance System

Aerostat adalah untuk pemantauan dan pengawasan dari udara yang dilengkapi dengan kamera dan peralatan radio. Kegunaan sistem ini sesuai untuk pengawasan maritim & sempadan, keselamatan dalam negeri, risikan, komunikasi, penghantaran data, fotografi dari udara dan pengiklanan.



Water Hydration Backpack

Gabungan beg galas dan beg penghidratan yang mempunyai sistem penapisan air beraliran graviti dengan kapasiti maksima 3L, ruang penyimpanan tambahan dan sesuai dijadikan sebagai anduh (sokongan lengan). Ia digunakan sebagai bekalan air minuman semasa operasi.



Soft Body Armor Vest

Perlindungan Trauma Ergonomik merupakan ves kalis peluru yang tahan lasak dan direka supaya mudah diubahsuai, rompi balistik ENTRAP™ memberi liputan perlindungan optimum disamping memberi kebebasan bergerak yang maksimum, mudah dipakai dan memberi kombinasi padanan, rupa, dan fungsi yang terbaik.



MALE



FEMALE



Meat Bars

Produk makanan yang berasaskan daging dan ayam diperap sos yang sedia untuk dimakan dengan menggunakan teknologi retort. Meat Bars memberikan rasa sebenar hidangan tradisional dalam tiga perasa; sate, lada hitam dan percik madu. Produk boleh dimakan tanpa perlu dimasak atau dipanaskan.



Unmanned Surface Vessel (USV)

USV adalah kenderaan yang beroperasi di permukaan air tanpa pemandu dan digunakan untuk aplikasi maritim seperti pengumpulan data saintifik, oseanografi dan keselamatan maritim operasi ketenteraan.

Perjanjian Pengkomersialan antara STRIDE dan empat Industri Pertahanan merupakan satu kolaborasi strategik antara kerajaan dan industri tempatan untuk memberi peluang kepada industri tempatan terutamanya syarikat bumiputera bagi mengkomersialkan hasil produk R&D institut penyelidikan tempatan. Kolaborasi strategik ini merangkumi pengesahan teknologi dan pasaran (technology and market validation), pengeluaran produk (production) serta memasarkan produk ke peringkat global. Empat (4) perjanjian ini adalah :



- i. Perjanjian antara STRIDE dengan Alaf Strategi Sdn Bhd bagi tujuan pengkomersialan produk Aerostat and Airship Based Surveillance System. STRIDE akan menerima bayaran royalti sebanyak 10% daripada keuntungan jualan Aerostat and Airship Based Surveillance System.
- ii. Perjanjian antara STRIDE dengan Entruss Ventures Sdn Bhd bagi tujuan pengkomersialan produk Soft Body Armour Vest. STRIDE akan menerima bayaran konsultansi sebanyak 1% daripada setiap unit jualan Soft Body Armour Vest.
- iii. Perjanjian antara STRIDE dengan Famille Lab Plt bagi tujuan pengkomersialan produk Meat Bars. STRIDE akan menerima bayaran konsultansi sebanyak RM 50,000.
- iv. Perjanjian antara STRIDE dengan Saffur Tex Resources Sdn Bhd bagi tujuan pengkomersialan produk Water Hydration Backpack. STRIDE akan menerima bayaran royalti sebanyak 2% daripada setiap unit jualan Water Backpack Hydration.

RASUAH

APA ITU HADIAH?



Hadiah merupakan pemberian atas sebab suka atau sayang tanpa sebarang tuntutan atau ganjaran balas yang disyaratkan.

APA ITU RASUAH?



Rasuah ialah penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk diri seseorang kerana melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya. Dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009), istilah rasuah disebut sebagai **suapan**.

Di Malaysia, **RASUAH** juga dikenali sebagai...

- 'Kaw tim'
- Duit Kopi
- Duit Minyak
- Makan Suap
- Bunga emas
- Pelincir
- *Under counter money*

BENTUK RASUAH



WANG



BONUS



HADIAH



DISKAUN



UPAH



PERKHIDMATAN



JAWATAN

KESALAHAN RASUAH MENURUT AKTA SPRM 2009



Aktas SPRM 2009 merupakan akta khusus berkaitan jenayah rasuah di Malaysia. Kesalahan utama rasuah menurut akta ini adalah seperti berikut:

- Meminta dan menerima rasuah
- Menawar dan memberi rasuah
- Mengemukakan tuntutan palsu
- Salah guna kuasa atau kedudukan oleh pegawai awam... percubaan atau persubahatan untuk melakukan kesalahan-kesalahan di atas turut menjadi kesalahan...

HUKUMAN BAGI KESALAHAN RASUAH



Seksyen 24 Akta SPRM 2009 menetapkan hukuman seperti berikut :

- Penjara tidak lebih 20 tahun; dan
- Lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.

SIMPTOM RASUAH



Tanda-tanda mereka yang terlibat dengan jenayah rasuah :

- Perubahan gaya hidup mewah secara tiba-tiba
- Kegagalan menjelaskan punca perolehan harta
- Enggan dinaikkan pangkat atau ditukarkan
- Panggilan telefon yang mencurigakan
- Suka hidup berlagak seperti orang kaya.

- Hidup tertekan kerana hutang
- Peletakan jawatan secara tiba-tiba
- Perhubungan terlalu rapat antara kakitangan dengan pelanggan/jabatan/kontraktor

KESAN RASUAH



Kesan kepada individu:

- Reputasi jatuh dan dipandang hina oleh masyarakat
- Hilang kepercayaan
- Hidup tertekan
- Hilang keluarga dan rakan
- Maruah keluarga turut terjejas

Kesan kepada organisasi:

- Perkhidmatan menjadi tidak cekap
- Sistem, prosedur dan peraturan menjadi tidak berkesan
- Wujud ketidakadilan dalam perkhidmatan
- Hilang kepercayaan pelanggan atau orang awam
- Merosakkan imej jabatan atau organisasi

- Hadiah daripada saudara-mara atau rakan-rakan sempena pertunangan, hari jadi, perkahwinan atau majlis berkaitan agama dan adat resam
- Hadiah berbentuk lencana, pen, plaque atau cenderamata
- Hadiah dalam bentuk barang-barang mudah rosak seperti sayur dan buah-buahan.

- *Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998* -



PERINGATAN KEPADA PENJAWAT AWAM:

JANGAN sesekali menerima hadiah atau apa-apa barang bernilai daripada mana-mana syarikat atau **kontraktor yang ada hubungan rasmi** dengan pejabat anda.

Pemberian seumpama itu akan menimbulkan rasa serba salah dan dilema kepada anda (pegawai awam). Keputusan yang dibuat selepas itu mungkin dipengaruhi oleh hadiah yang diberi dan akhirnya akan membawa kepada perlakuan rasuah.

BILA HADIAH MENJADI RASUAH



Hadiah adalah amalan yang boleh menjadi rasuah apabila mempunyai ciri-ciri berikut:

- Pemberi dan penerima hadiah mempunyai hubungan rasmi. Contohnya, pemberi hadiah adalah kontraktor, manakala penerima hadiah adalah pegawai kerajaan yang terlibat dalam tender.
- Pemberian hadiah akan mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh si penerima.
- Nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah diberi.


Hadiah yang **BOLEH** diterima oleh penjawat awam

- Hadiah daripada orang yang tiada kaitan dengan tugas rasmi. Nilai hadiah mesti **KURANG** daripada ¼ gaji atau RM500
- Hadiah daripada rakan sekerja sempena persaraan, pertukaran, pertunangan atau perkahwinan
- Hadiah daripada suami, isteri, ibu, bapa, mertua, anak dan adik-beradik

LANGKAH PENCEGAHAN

BAGAIMANA MENGATAKAN **TIDAK** KEPADA RASUAH?

- Jangan mengatakan '**YA**' bagi pelawaan pertama.
- **Hati-hati dengan pujian** yang diberikan kerana pujian yang berlebihan boleh menyebabkan seseorang itu lupa diri.
- Jangan sesekali menampakkan perbuatan atau tingkah laku yang menggambarkan seolah-olah **kita yang meminta-minta**.
- Jangan membiasakan diri menerima sebarang bentuk **keraian** daripada mereka yang mempunyai urusan rasmi dengan kita, walaupun sekadar belanja minum.
- Elakkan **berbincang mengenai hal peribadi** atau keluarga dengan mereka yang mempunyai urusan rasmi dengan kita.
- **Berkawan dengan orang yang jujur** dan boleh menasihati serta membimbing kita.
- **Elakkan perhubungan yang terlalu rapat** dengan pihak syarikat yang mempunyai urusan rasmi dengan kita.
- **Tolak tawaran** atau pujukan dengan tegas.



Akhir-akhir ini, kita sering dikejutkan dengan berita-berita di media massa tentang kes pembunuhan, penderaan dan kecederaan. Kes-kes tragis yang menyentuh perasaan ini pastinya tambah ketara apabila si mangsa mempunyai pertalian rapat dengan tertuduh.

Antara yang terkini dan meruntun jiwa ialah kes seorang wanita maut di Kuala Langat yang dipercayai dibunuh oleh anak lelakinya sendiri ketika umat Islam menunaikan solat Jumaat. Di Felda Jengka, seorang kanak-kanak lelaki maut selepas dikelar ibu kandungnya sendiri yang dipercayai mengalami halusinasi. Di Taman Kepong pula, seorang kanak-kanak maut selepas ditikam bertubi-tubi sebanyak 30 kali dipercayai oleh bapa saudaranya sendiri.

Kemurungan Pembunuh Senyap!!

Artikel :
Shakinah Binti Abu Hassan
Pegawai Psikologi, Cawangan Pengurusan Psikologi.

Sesiapa sahaja yang menatap kes-kes ini di dada akhbar pastinya sangat tersentuh hati dek sadisnya perbuatan di luar batas perikemanusiaan yang dilakukan oleh bapa, ibu dan penjaga yang sepatutnya menjadi pelindung mangsa.

Namun, ini adalah fenomena yang berlaku apabila emosi dan persekitaran menguasai diri dan mencetuskan tingkah laku bawah sedar atau luar kawal.

Istilah proses psikoanalisis ini melibatkan struktur kejiwaan yang boleh ditakrifkan sebagai fenomena kecelaruan mental yang berlaku dalam fikiran seseorang tetapi dia tidak menyedari mengenainya. Dalam bahasa yang mudah, pemangsa melakukan apa yang dilakukannya itu tanpa disedari disebabkan oleh gangguan emosi seperti depresi.

Depresi merujuk kepada penyakit psikologi yang melibatkan tekanan perasaan yang serius, yang mungkin menyerang individu baik lelaki atau wanita, kanak-kanak, remaja, dewasa atau warga emas.

Ia melibatkan rasa kesedihan, kekecewaan, kepiluan serta hilang semangat meneruskan kehidupan, yang akhirnya menyebabkan kestabilan emosi individu menjadi semakin merosot serta boleh menjejaskan kehidupan seharian.

Kajian stres dan psikologi sosial sering mendapati bahawa depresi boleh memberikan implikasi buruk kepada kesihatan individu, hubungan kekeluargaan dan persekitaran sosial. Kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia mendapati antara empat penyebab utama masalah kesihatan mental ialah depresi.

STRES BOLEH JADI PUNCA

Mengapakah depresi berlaku? Melalui penelitian terhadap trend kes-kes tragis yang berlaku, depresi amat berkait rapat dengan isu stres. Stres yang berlebihan dan berterusan membawa kepada ketegangan emosi yang menyebabkan gangguan psikologi, fisiologi dan akhirnya mencetuskan tingkah laku bawah sedar. Individu tersebut sukar membuat pertimbangan yang baik dan akhirnya melakukan sesuatu tindakan di luar jangkauan seperti hilang kefungisian diri, mencederakan diri atau orang lain hatta membunuh. Ia juga mampu mempengaruhi

tahap kesihatan dan menyumbang kepada penyakit lain seperti kardiovaskular, serangan jantung, tekanan darah, hipertensi serta menyebabkan kematian.

Kajian menunjukkan bahawa depresi kerap berlaku disebabkan faktor trauma, stres pekerjaan, masalah kewangan dan masalah rumah tangga. Kegagalan mengimbangi antara tuntutan kehidupan dan persekitaran dengan kemampuan serta keupayaan diri menjadi pencetus kepada gangguan emosi dan stres.

Masalah depresi bukanlah sesuatu yang boleh diambil mudah. Ia mesti ditangani lebih-lebih lagi jika depresi yang dialami tidak disedari oleh si pesakit.

Oleh yang demikian, pengetahuan awal tentang isu stres dan depresi boleh mencegah peristiwa yang tidak diingini daripada berlaku. Setiap individu memainkan peranan untuk lebih peka dan mengambil tahu tentang isu stres dan depresi dalam persekitaran.

Setiap individu perlu diberikan kesedaran dan ilmu pengetahuan tentang impak stres dan depresi selain didedahkan kepada teknik-teknik mahupun intervensi yang boleh membantu dalam mengawal atau menangani stres dan depresi dengan berkesan. Usaha yang berterusan dapat meningkatkan kesejahteraan emosi dan kesihatan mental. Jika usaha menanganinya tidak diambil, maka pastinya depresi akan tercetus dan akhirnya menjadi **PEMBUNUH DALAM SENYAP!!**

CARA MENANGANI KEMURUNGAN

-  SENTIASA MENGINGATI TUHAN
-  BERFIKIRAN POSITIF
-  SEDIA BERKONGSI MASALAH
-  BERGAUL DENGAN INDIVIDU YANG POSITIF
-  TERIMA KELEBIHAN DAN KEKURANGAN DIRI
-  JUMPA PAKAR TERAPI
-  UTAMAKAN KESIHATAN DAN SAYANGI DIRI

DARAH

Darah merupakan satu komponen penting dalam perawatan kesihatan. Kini, keperluan dan permintaan terhadap darah semakin meningkat hasil kemajuan teknologi perubatan dan peningkatan bilangan hospital kerajaan dan swasta. Rawatan kes-kes seperti pembedahan jantung, pemindahan organ, rawatan pesakit-pesakit talasemia, haemofilia dan anemia memerlukan pemindahan darah.

		PENDERMA DARAH				
		A	B	AB	O	
PENERIMA DARAH	A	✓	✗	✗	✓	
	B	✗	✓	✗	✓	
	AB	✓	✓	✓	✓	
	O	✗	✗	✗	✓	

✓ Darah sesuai ✗ Darah tidak sesuai (Darah bergumpal)

PENDERMA UNIVERSAL

Kumpulan darah O boleh menderma kepada **SEMUA** kumpulan darah, tetapi hanya boleh menerima daripada kumpulan darah O sahaja.

PENERIMA UNIVERSAL

Manakala **Kumpulan darah AB** pula boleh menerima daripada **SEMUA** kumpulan darah, tetapi hanya boleh menderma kepada kumpulan AB sahaja.

WHOLE BLOOD

Unit darah yang didermakan yang tidak menjalani proses pengasingan.

Digunakan untuk kes-kes seperti pesakit yang kehilangan darah akibat kemalangan dan untuk pertukaran darah (Exchange Transfusion, ET).



Bayi akibat jaundis neonatal yang teruk.

SEL DARAH MERAH

Untuk masalah kekurangan hemoglobin (anemia) seperti penyakit buah pinggang dan penyakit kanser.



PLASMA

Kes-kes pendarahan semasa bersalin, lecur akibat kebakaran, pendarahan akibat kerosakan hati.



PLATELET

Untuk penyakit-penyakit kekurangan platelet seperti demam denggi dan leukemia.



DERMA DARAH ...sekiranya anda pernah menderma darah walaupun sekali, anda adalah merupakan insan yang istimewa dan sumbangan yang telah diberikan tidak ternilai harganya.

Ramai yang percaya menderma darah adalah amalan yang mulia dan dapat menolong menyelamatkan nyawa orang lain. Ada yang menderma sebab mereka kenal seseorang yang ada masalah sakit kronik, yang perlukan sumbangan darah dari orang lain. Ada segelintir yang mencubanya hanya untuk mencari pengalaman dan memenuhi rasa ingin tahu.

Tak kiralah apa sahaja sebab-sebab anda menderma darah. Sebenarnya, banyak faedah pada kesihatan yang boleh kita dapat dari usaha kemanusiaan yang tidak seberapa ini.

Namun terdapat beberapa mitos berkaitan derma darah yang sama sekali tidak benar.

ORANG YANG BERBADAN BESAR SAHAJA YANG BOLEH MENDERMA DARAH

Badan kurus atau besar tidak menjanjikan kuantiti dan kualiti darah dalam bandan anda. Saiz badan yang besar bukan bermakna mereka mempunyai bekalan yang lebih banyak. Sama sahaja kuantiti darah orang dewasa. Asalkan berat anda melebihi 45kg anda boleh menderma. Ok?

KEHABISAN DARAH SELEPAS MENDERMA

Hanya 350-450ml sahaja darah yang akan diambil dalam satu sesi. Tubuh badan manusia masih mempunyai bekalan darah yang cukup iaitu lebih kurang 5 liter walaupun selepas menderma darah. Lagipun selesai sahaja andan menderma darah, badan anda akan mula proses menghasilkan sel darah yang baru. Jangan risau!

BOLEH TERKENA JANGKITAN KUMAN ATAU DAPAT HIV POSITIF

Setiap jarum mengambil darah yang disuntik pada lengan anda adalah jarum baru yang telah disterilkan. Ianya dijamin selamat!

TIDAK BOLEH DERMA DARAH SEBAB SAYA MIXED BLOOD, MIXTURE, MIXED A LOTS

Bangsa, agama dan keturunan tidak mempunyai apa-apa kesan pun sekiranya anda ingin menderma darah. Hanya jenis dan kumpulan darah sahaja yang mereka ingin tahu.

SIBUK DAN TIADA MASA MENDERMA DARAH

Proses derma darah tu sebenarnya tak sampai 10 minit pun. Anda juga tidak perlu untuk menderma setiap bulan. Memang tidak boleh untuk menderma setiap bulan walaupun anda sendiri yang inginkan. Anda perlu tunggu sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum menderma semula

DERMA DARAH BOLEH MENJADI GEMUK

Derma darah sebenarnya boleh menghilangkan berat badan. Menurut kajian oleh University of California di San Diego, Amerika Syarikat, setiap anda menderma 1 pain darah, anda membakar lebih kurang 650 kalori

ARTIKEL KESIHATAN

A N E M I A

Anemia adalah keadaan di mana :

- Kekurangan sel darah merah atau
- Kekurangan kepekatan hemoglobin

Tanda-tanda Anemia :

- Kelihatan pucat
- Mudah rasa letih
- Sesak nafas terutamanya apabila melakukan aktiviti fizikal
- Sakit kepala / pening
- Kurang daya tumpuan
- Degupan jantung yang laju

Bagaimana anemia boleh terjadi :

- Ia boleh disebabkan oleh beberapa faktor antaranya :
- Kehilangan darah
 - Kekurangan penghasilan sel darah merah
 - Kemusnahan sel darah merah yang berlebihan (Hemolisis)

Ujian Darah

Melalui ujian darah, kita boleh tahu sama ada kita adalah anemia atau tidak.

Ujian darah yang mudah dan cepat boleh dilakukan dengan menguji darah kapilari yang diambil di hujung jari.

Setiap orang mempunyai bacaan hemoglobin yang berbeza. Paras normal hemoglobin untuk lelaki dan perempuan adalah seperti berikut :

- Lelaki 13 – 18 g/dL
- Perempuan 12 – 15 g/dL

Untuk menderma darah, bacaan hemoglobin bagi lelaki hendaklah ≥ 13.5 g/dL dan bagi perempuan hendaklah ≥ 12.5 g/dL

Cara Mengatasi Anemia

Pemakanan yang berkhasiat serta kaya dengan zat besi dan mineral adalah sangat penting untuk memastikan badan kita menghasilkan darah merah yang mencukupi. Antara makanan yang kaya dengan zat besi dan mineral yang lain adalah :

Zat Besi

- Daging merah
- Makanan laut
- Kekacang
- Sayuran hijau (bayam)
- Hati ayam

Vitamin C

- Sayuran hijau (brokoli)
- Tomato
- Buah-buahan (kiwi, beri, sitrus)

Asid folik

- Kekacang
- Sayuran hijau (bayam)
- Buah-buahan sitrus

Vitamin B12

- Daging ayam & lembu
- Ikan tuna, salmon
- Telur
- Makanan laut (kerang, ikan, ketam)
- Produk tenusu (susu, keju)
- Telur

HERO VETERAN

Artikel disumbang oleh :
Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Hal Ehwal Veteran



“Semangat saya berkobar-kobar untuk mempertahankan bumi Malaysia itu yang pada tahun 1970 saya ambil keputusan untuk sertai tentera. Unit asal saya adalah artileri, tetapi disebabkan tertarik dengan nama elit komando, saya mohon untuk menyertainya pada tahun 1971”, kata SSjn (B) Md Ali Ahmad PGB.

Mengimbas sejarah silam 44 tahun yang lalu pada tanggal 19 April 1974 ketika beliau menyertai Operasi **GONZALES** di Ipoh, keadaan pada waktu itu kecoh apabila Platun Nombor 9 Batalion Ketiga Rejimen Renjer (3Rjr) telah bertempur dengan Pengganas Komunis di Hutan Simpan Bukit Kinta berhampiran Sungai Siput Perak.

“Antara cabaran semasa **OP GONZALES** adalah apabila kesemua anggota dalam skuadron ketika itu perlu bersedia untuk diturunkan melalui helikopter ke tempat operasi walau ketika itu pihak Komunis menggunakan taktik **hit and run**”, jelas Md Ali.

“Walau hanya beberapa sahaja anggota kami turun, kami sudah terdengar bunyi tembakan bertalu-talu. Pada ketika itu terdetik di hati saya bahawa musuh di bawah memang sedang menanti kami”, katanya. Tiba giliran Tpr Md Ali Ahmad untuk turun, beliau tanpa berleengah terus bergegas terjun dari pesawat tanpa menggunakan apa-apa tali keselamatan yang disediakan dan beliau terus mencari tempat perlindungan sambil mencari-cari kawasan musuh.

Setelah seketika yakin bahawa musuh telah tiada, seorang demi seorang bangun untuk meninjau kawasan sekeliling. Baru sahaja beberapa langkah bergerak, secara tiba-tiba



mereka dikejutkan oleh suara rakan-rakan yang menjerit. "Jerangkap samar!! Jerangkap samar!!" tapi apabila diteliti ianya hanyalah helah pihak komunis yang ingin melambatkan pergerakan mereka kerana jerangkap samar itu tidak disambung kepada bahan letupan.

Ketika Tpr Md Ali melangkah melintasi kawasan lereng bukit secara tiba-tiba kumpulan mereka dihujani tembakan dari atas bukit dan salah satu tembakan peluru itu terkena rakannya iaitu Pbt Nat Amin. "Masa itu saya tahu yang kumpulan saya telah masuk ke kawasan serangan hendap musuh, jika lambat bertindak pastinya akan mengundang padah", tambah Md Ali. Sewaktu sibuk mencari tempat untuk berlindung, entah macam mana Lt M Zainal Abidin Hussein telah tercedera selepas lututnya terhentak batu dan akibatnya dia sukar untuk bergerak.

Dalam keadaan cemas itu, tiba-tiba terdengar jeritan Ben, anjing pengesan kami melolong akibat terkena dua das tembakan pegganas dan akhirnya Ben mati dalam dakapan Sjn Chandran. Akibat terlalu geram Tpr Md Ali tanpa menghiraukan akan keselamatannya memanjat bukit seorang diri demi untuk memastikan beliau dapat melihat musuh dengan lebih jelas.

"Sewaktu itulah saya terserempak seorang musuh yang hendak melemparkan bom tangan ke arah rakan saya, jaraknya hanya tiga meter di depan saya. Melihat itu, saya terus melepaskan tembakan semburan dari senjata saya dan tepat mengenai kepalanya', terang beliau lagi. Sebelum itu, ada musuh yang melemparkan bom kepada kami tapi anehnya satu pun tidak meletup.

Selepas musuh pertama ditumpaskan, Tpr Md Ali mara dan ternampak seorang lagi musuh, lalu ditembaknya. "Musuh itu akhirnya mati selepas ditembak oleh saya dan beberapa rakan lain", katanya. Melihat 2 rakan mereka mati, pegganas komunis mula mengundurkan diri dan salah seorang dari pegganas komunis telah terserempak dengan Lt M M. Anuwa Mohammad Daud. Dalam keadaan kelim-kabut itu, Tpr Abu Kasim telah tercedera terkena satu das tembakan musuh.

Musuh melarikan diri ke kawasan curam di tebing bukit dan ada di antara mereka yang terjatuh dari lereng bukit ketika cuba untuk menyelamatkan diri pada ketika itu. Kumpulan kami melakukan semakkan



di kawasan persembunyian pegganas komunis dan menjumpai beg gelas mereka yang dipenuhi dengan makanan dan ubat-ubatan.

Pesan beliau kepada generasi hari ini, agar mereka mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan Negara walau dengan apa cara sekali pun. Bak kata beliau "untuk kita jadi juara bukanlah senang, tapi untuk kita pertahankan kejuaraan ianya lagilah sukar".



PUDIN

KEBANGGAAN WARGA
TUDM



Muhamad Hafizuddin Mat Daud, nama yang tidak asing lagi bagi sukan petanque di Malaysia. Anggota tentera udara berpangkat sarjan ini melakar sejarah apabila muncul pemain petanque pertama meraih pingat emas pada temasya Sukan SEA 2015 di Singapura sejak acara itu mula dipertandingkan pada 2001 di Malaysia.

Atlet yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan ini telah melibatkan diri secara serius dalam sukan petanque apabila mendapat perkabaran bahawa sukan ini akan dipertandingkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) 2008 di Terengganu.

Muhamad Hafizuddin yang lebih mesra dipanggil Pudín mula dimasukkan ke dalam team Malaysia pada tahun 2011 iaitu ketika Sukan SEA di Palembang, Indonesia. Minat yang tinggi terhadap sukan ini membuatkan beliau tidak berputus asa sehingga berjaya pada Sukan SEA 2015.

Disiplin dan latihan yang konsisten menjadikan beliau hari ini. Jadual latihan yang padat setiap hari dengan bimbingan jurulatih Syed Ali dan Zailisa membuahkan hasil dengan kejayaan demi kejayaan yang diraih dalam pelbagai kejohanan. Sekiranya terlibat dengan pertandingan yang melibatkan pasukan Malaysia, Pudín akan berlatih di tempat latihan sukan SEA Malaysia di Taman Pudu Ulu. Kadang-kadang Pudín juga akan berlatih bersama-sama pasukan ATM di PUKL.

Pudín, 26 yang bertugas di Institut Perubatan Penerbangan PUKL



memilih sukan ini kerana sukan ini unik dan tidak memerlukan tenaga yang banyak. Walaupun begitu, sukan ini memerlukan kecekapan dalam berfikir kerana ia merupakan strategic game.

Dalam temu bual dengan Pudín, beliau berharap sukan petanque ini akan dimasukkan ke dalam Sukan Olimpik 2024 dan akan terus bermain sehingga masih diperlukan dalam pasukan Malaysia.

PENCAPAIAN

- **SUKAN SEA 2011, INDONESIA.**
Pingat Gangsa, acara double.
- **WORLD CUP PETANQUE 2012.**
Tempat ke 8 terbaik acara triple .
- **SUKAN SEA 2013, MYANMAR.**
Pingat Gangsa, acara triple.
- **SUKAN SEA 2015, SINGAPORE.**
Pingat Emas, acara single.
Pingat Perak, acara double
- **SUKAN SEA 2017, MALAYSIA.**
Pingat Emas, acara single.



Rumah Terbuka
Aidilfitri

**YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN MUHAMMAD V**

MENCEMAR DULI MENGHADIRI
MAJLIS SAMBUTAN
HARI RAYA AIDILFITRI
ANJURAN ATM



Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V berkenan mencemar duli menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang diadakan di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM pada 3 Julai 2018.

Ketibaan Seri Paduka disambut oleh Menteri Pertahanan, Tuan Hj Mohamad Sabu dan isteri, Normah Alwi; Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin dan isteri, Puan Seri Rusnah Abdul Rahman; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Halimi Abd Manaf dan isteri, Datin Naimah Ahmad serta Panglima-panglima perkhidmatan dan isteri.

Sebelum bermula majlis santapan, Yang di-Pertuan Agong turut berkenan mengurniakan sumbangan hari raya kepada 53 orang pegawai dan anggota ATM yang tercedera semasa penugasan operasi dan latihan, terkena jerangkap samar dan terlibat dalam kemalangan semasa di dalam perkhidmatan.

**SAMBUTAN MAJLIS HARI RAYA PERINGKAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Kementerian Pertahanan dimeriahkan dengan kehadiran ketiga-tiga Kepimpinan Tertinggi Kementerian Pertahanan, Menteri Pertahanan, YB Tuan Hj. Mohamad bin Sabu; Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Halimi Abd Manaf serta Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Jen Tan Sri Dato' Seri Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin.

Sambutan telah diadakan di Dewan Seroja, Kem Kementah pada 10 Julai 2018.

Seramai 5000 orang tetamu yang terdiri daripada seluruh warga Kementerian Pertahanan dan tetamu jemputan

telah sama-sama memeriahkan majlis ini. Kemeriahan sambutan Syawal dirasai bukan sahaja umat Islam malah turut diraikan masyarakat berlainan agama dan budaya.

**MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI WARGA
TENTERA NEGERI MELAKA BERSAMA
MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA**

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri warga tentera negeri Melaka bersama Menteri Pertahanan, YB Tuan Hj. Mohamad bin Sabu telah diadakan di Perkarangan Dewan Serbaguna, Kem Terendak pada 29 Jun 2018.

Sumbangan duit raya kepada anak-anak anggota tentera yang hadir telah diberikan oleh YB Menteri dan beliau sempat meluangkan masa melawat dua anggota dari lapan RRD (Para) di 94 Hospital Angkatan Tentera (HAT), Terendak, Melaka.

Turut hadir, Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin serta isteri; Panglima Tentera Darat, YBhg. Jen Dato' Sri Zulkiple bin Hj Kassim dan Ketua Menteri Melaka, YAB Tuan Hj. Adly bin Zahari serta isteri.





Ar-RahnuKT

PERKHIDMATAN PAJAK GADAI

**TERBUKA KEPADA
ORANG RAMAI**

KAMI MENAWARKAN PERKHIDMATAN GADAIAN
MUDAH • CEPAT • SELAMAT

- Pinjaman Sehingga **RM 100,000.00**
- Upah Serendah **RM 0.55**
- Mudah dan Cepat

** Tertakluk pada terma dan syarat*



HUBUNGI CAWANGAN KAMI DI :

WANGSA MAJU
03-4142 0613

SUNGAI BESI
03-9054 5900

SUBANG PERDANA
03-7840 0296

PORT DICKSON
06-646 2670

KLUANG
07-771 1861

SUNGAI UDANG
06-357 4870

SUNGAI PETANI
04-426 0001

TAWAU
08-970 6603

Dimiliki dan diuruskan oleh



www.katmb.com.my



UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI :

03-2272 3932

 @TABUNGPAHLAWAN

 @KEMPENPAHLAWAN

 @KEMPENPAHLAWAN

HULURKAN SUMBANGAN ANDA

MAYBANK 5647-1752-1826

CIMB 8602-7004-01

AFFINBANK 1065-8001-2577

PERSATUAN VETERAN ATM